

Perkembangan Politik Era Malaysia Baharu: Pandangan Eksklusif Belia Terpelajar

Political Development in New Malaysia Era: An Exclusive View of Educated Youth

MOHD MAHADEE ISMAIL, AZLINA ABDULLAH, NOR AZLILI HASSAN & MOHD SABRI MD NOR

ABSTRAK

Artikel ini memfokuskan perbincangan tentang pandangan golongan belia terpelajar terhadap perkembangan politik di Malaysia khususnya dalam era Malaysia Baharu hari ini. Golongan belia terpelajar adalah generasi pewaris negara pada masa hadapan. Mereka bukan sahaja menjadi pemangkin pembinaan negara dan bangsa, tetapi mereka juga adalah kumpulan yang bakal mencorakkan hala tuju politik dan kepimpinan negara di masa depan. Sementara itu, era Malaysia Baharu telah ditonjolkan selepas berlakunya pertukaran kerajaan daripada kepimpinan Barisan Nasional yang menerajui pemerintahan negara semenjak kemerdekaan negara kepada kerajaan baru Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum ke-14 lalu. Malaysia Baharu dikatakan membawa 'nafas baru' angin perubahan dalam segenap aspek kehidupan merangkumi hal ehwal politik, pembangunan ekonomi dan pemeraksanaan sosiobudaya ke arah yang lebih baik berbanding dengan era sebelumnya. Sehubungan dengan itu, satu kajian khusus telah dilaksanakan dalam kalangan belia terpelajar iaitu mahasiswa universiti awam di Semenanjung Malaysia yang bertujuan untuk mengenal pasti pandangan mereka terhadap perkembangan politik yang berlaku dalam negara ini. Kajian ini menggunakan kaedah Teknik Berkumpulan Nominal (NGT), Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) dan kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik diedarkan kepada 800 orang responden belia terpelajar pelbagai etnik. Hasil kajian menunjukkan wujud variasi pandangan berdasarkan kumpulan etnik terhadap perkembangan politik semasa. Golongan belia terpelajar etnik Melayu didapati lebih objektif dalam mengemukakan pandangan mereka, manakala golongan belia terpelajar etnik Cina dan India pula didapati lebih positif dalam menunjukkan sokongan terhadap pemerintahan di era Malaysia Baharu ini.

Kata kunci: Belia terpelajar; mahasiswa; Malaysia baharu; perkembangan politik; universiti awam

ABSTRACT

This article focuses on the views of educated youth group on political developments in Malaysia, especially in today's New Malaysia era. The educated youth is the future generations of the nation. They are not only the catalyst for nation building, but they are also the groups who will shape the future political direction and leadership of the nation. Meanwhile, the New Malaysia era has been highlighted after the changing of government from the Barisan Nasional leadership, that led the country since independence, to the new government, which is Pakatan Harapan in the 14th General Election. New Malaysia era is said to bring a 'fresh breath' of changes in all aspects of life, including a betterment political affairs, economic development and social empowerment. In this regards, a specific study was conducted among educated youth from public university students in Peninsular Malaysia which aimed to identify their views on current political developments in the country. This study employs Nominal Group Technique (NGT), Focus Group Discussion (FGD) as well as survey method by using questionnaires. The questionnaires were distributed to 800 respondents from educated youths of various ethnic groups. The findings reveal that there is a variety of views, based on ethnic groups, on political developments. The Malay educated youth groups are more objective in their views, whereas the Chinese and Indian educated youth groups were found to be more positive in showing their support to the government in this New Malaysia era.

Keywords: Educated youth; students; new Malaysia; political development; public university

PENGENALAN

Mutahir ini keprihatinan dan penglibatan golongan belia dalam perkembangan politik di sesebuah negara semakin meluas, terbuka dan dinamik. Perubahan naratif ini sejajar dengan kemajuan teknologi, proses pendemokrasian moden, pola globalisasi dan aliran pergerakan manusia tanpa batas yang nyata. Perubahan tersebut bukan sahaja mendorong peggembangan ilmu yang rentas sempadan tetapi turut melibatkan perkongsian informasi secara berleluasa. Generasi belia Malaysia juga tidak terlepas dari arus kontemporari yang pesat melanda dunia kini.

Apa yang lebih menarik, keprihatinan dan penglibatan politik golongan belia Malaysia yang semakin aktif ini adalah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat umumnya. Kajian Moten (2011), Saad dan Salman (2013) membuktikan berlaku peningkatan penglibatan politik masyarakat dari tahap yang dahulunya sederhana ke tahap yang lebih tinggi. Perkembangan ini juga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan peningkatan kesedaran masyarakat dan peggembangan literasi politik terutamanya dalam kalangan belia. Walaupun mereka boleh dikatakan masih baru dan mentah dalam mempelajari, memahami serta menghadam fenomena politik dalam negara mahupun luar negara, akan tetapi ini adalah suatu perkembangan yang cukup baik kepada masa hadapan negara.

Golongan belia di Malaysia adalah kumpulan individu yang berada dalam kategori umur di antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, tafsiran umur belia tersebut telah ditakrifkan semula kepada kategori umur antara 15 hingga 30 tahun yang akan berkuatkuasa pada 31 Disember 2021. Takrifan baru telah diluluskan oleh Dewan Rakyat melalui Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta 668) (Astro Awani 2019). Kumpulan umur belia tersebut boleh dikategorikan kepada dua iaitu kumpulan yang berumur antara 15 hingga 25 tahun dan kumpulan yang berumur 25 ke atas. Kumpulan yang berumur 15 hingga 25 tahun rata-ratanya masih di peringkat pembelajaran pada tahap yang berbeza-beza. Berbanding dengan kumpulan belia yang berumur 25 tahun ke atas kebanyakan sudah ramai yang telah memasuki alam pekerjaan. Namun, kajian yang dijalankan hanya memfokuskan golongan belia terpelajar iaitu melibatkan kelompok mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di universiti awam

di Semenanjung Malaysia. Majoriti mereka sekitar umur 19 hingga 24 tahun.

Golongan belia terpelajar adalah generasi pewaris dan pemangkin masa hadapan negara yang bukan sahaja bakal menerajui kepimpinan negara malah bertanggungjawab menentukan hala tuju negara di masa hadapan. Kejayaan membangunkan generasi muda hari ini menjadi penentu kepada kejayaan masa depan negara. Sepertimana yang disebutkan oleh Saidina Ali R.A, "*jika kamu mahu melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini*" (Sheikh Omar 2017). Ini bermakna, sekiranya generasi muda hari ini berjaya, cemerlang dan gemilang, maka masa depan negara juga pasti akan berjaya, cemerlang dan gemilang; dan begitulah sebaliknya. Mereka jugalah yang menjadi pencetus serta pendokong segala bentuk perubahan, transformasi dan evolusi yang bakal berlaku dalam negara kelak.

Pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) tahun 2018 lalu, generasi muda telah memainkan peranan utama dalam menentukan berlakunya pertukaran kerajaan. Mereka dilihat bukan sahaja aktif terlibat secara langsung dalam proses pilihan raya tetapi telah memainkan peranan masing-masing sehingga membawa berlakunya pertukaran kerajaan daripada Barisan Nasional (BN) yang memerintah Malaysia sejak merdeka kepada sebuah keajaan baru yang bernaung di bawah Pakatan Harapan (PH). Kejayaan menumbangkan BN boleh dikatakan suatu nafas baru angin perubahan yang dicetuskan oleh generasi muda hari ini. Ini terbukti apabila golongan belia dikatakan menjadi pengundi terbesar pada PRU14 lalu.

Perkembangan semasa di era Malaysia Baharu, golongan belia umumnya dilihat menaruh harapan besar untuk melihat perubahan ke arah yang lebih baik dalam pelbagai aspek kehidupan khususnya perkara-perkara yang berkait rapat dengan mereka dan masyarakat sekitar. Mereka cukup ghairah untuk melihat impak yang lebih positif dalam pembangunan negara, pembinaan bangsa dan penambahbaikan secara holistik dalam sistem pemerintahan negara. Mereka juga mengambil bahagian secara aktif dalam membincangkan perkara-perkara yang menjadi dasar kerajaan baru menerusi pelbagai medium perantara terutamanya media sosial. Oleh yang demikian, pandangan dan persepsi golongan ini tidak lagi boleh dipandang enteng. Setiap perkara yang dibangkitkan oleh mereka perlu diteliti, diperhalusi dan dinilai dengan bijaksana. Kegagalan memahami pandangan golongan belia ini khususnya kumpulan belia

terpelajar boleh mengundang masalah dan konflik pada masa depan negara, lebih-lebih lagi di arena politik semasa yang serba mencabar kini.

ERA MALAYSIA BAHARU

Malaysia Baharu adalah suatu gagasan, slogan, istilah ataupun ungkapan yang wujud selepas berlakunya pertukaran kerajaan pada PRU14 lalu. Gagasan tersebut menjadi suatu indikator kepada 'era' atau 'episod' baharu bagi menggambarkan seolah-olah Malaysia mendapat 'nafas baharu' yang membawa harapan besar rakyat ke arah kesejahteraan hidup yang lebih holistik. Malaysia ibarat negara baru dilahirkan semula (Mohd Mahadee et al. 2019) dengan penstukturkan bentuk kepimpinan serta pemerintahan yang lebih efisien dan mantap. Era Malaysia Baharu bukan sahaja membawa makna pertukaran tampuk kepimpinan pemerintahan negara semata-mata tetapi turut membawa suatu simbolik yang cukup signifikan dalam merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih maju, berdaya saing, bersih, telus dan berintegriti. Impian menjadikan Malaysia sebuah negara baru bermartabat tinggi sehingga ke persada antarabangsa dirangka melalui pembinaan sebuah negara-bangsa yang bersatu padu dengan penerusan formula konsosiasional atau perkongsian kuasa antara etnik dan pelaksanaan sistem demokrasi yang lebih menyeluruh. Pendekatan ini juga turut memberikan penekanan kepada kestabilan politik melalui kerjasama antara etnik yang dicapai dalam kalangan pemimpin bagi setiap kumpulan etnik (Vejai 1997).

Detik bersejarah lahirnya era Malaysia Baharu setelah parti gabungan PH yang terdiri daripada Parti Peribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Amanah Negara (PAN), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Warisan Sabah (WARISAN) telah berjaya memenangi sebanyak 121 kerusi parlimen dan berjaya membentuk kerajaan dengan majoriti mudah. Kejayaan tersebut telah menidakkan kekebalan Barisan Nasional (BN) yang gah menerajui pemerintahan negara selama ini sejak kemerdekaan negara tahun 1957 lagi. Dalam PRU14 lalu, BN hanya berjaya mempertahankan sebanyak 79 kerusi parlimen manakala Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah memenangi sebanyak 18 kerusi parlimen. Lantaran itu, berlakulah peralihan teraju pemerintahan negara daripada orde lama yang berkuasa selama ini kepada sebuah orde

baru yang membawa harapan besar rakyat untuk melihat perubahan ke arah yang lebih baik dalam semua aspek kehidupan.

Apa yang nyata, perubahan besar arus kepimpinan politik negara adalah hasil tindakan kolektif untuk memperbaiki dan membaik pulih semua aspek yang dikatakan telah rosak sebelum ini. Perdana Menteri Malaysia ke-7 menegaskan bahawa pembentukan gabungan PH bertujuan khusus untuk,

"...menyelamatkan Malaysia dari kerajaan yang terkenal sebagai kleptokrasi, masa depan negara akan menjadi amat buruk dan rakyat akan terus menderita. Besar kemungkinan Malaysia akan menjadi apa yang dipanggil sebagai *failed state* atau negara gagal" (Berita Harian Online 2019).

Sehubungan dengan itu, pemerintahan di era Malaysia Baharu telah meletakkan sasaran yang komprehensif dalam mewujudkan suatu bentuk kerajaan bersih, telus dan berintegriti. Menurut Perdana Menteri Malaysia ke-7, "...kemunculan Malaysia Baharu ini adalah respons daripada rakyat Malaysia yang selama ini telah muak dengan politik kebencian dan gejala rasuah yang berleluasa dan menular semasa rejim lama berkuasa..." (Jabatan Perdana Menteri 2018: 4). Banyak persoalan yang telah menimbulkan tanda tanya di kalangan rakyat tentang isu IMDB, isu derma, perkaitan bekas Perdana Menteri Malaysia ke-6 dengan Jho Low dan pelbagai lagi. Bagi merealisasikan apa yang dikata, kerajaan PH telah mengambil pelbagai tindakan drastik dalam usaha pemulihan dan penambahbaikan imej negara secara sofistikated. Antara tindakan tersebut termasuklah melaksanakan penyiasatan menyeluruh tentang permasalahan yang dikaitkan dengan IMDB, mewujudkan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas dan komprehensif bagi membanteras penyalahgunaan kuasa, penstrukturkan semula Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Tabung Haji, memperkasa peranan dan fungsi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) bagi meningkatkan integriti serta mewujudkan Pelan Anti-Rasuah Nasional (Mohd Mahadee et al. 2019). Keseriusan pihak kerajaan dalam membendung kegiatan rasuah dan salah guna kuasa jelas kelihatan apabila beberapa siri tangkapan, siasatan dan dakwaan terhadap individu ternama termasuk mantan Perdana Menteri, mantan Timbalan Perdana Menteri dan beberapa mantan Menteri

lain. Perdana Menteri Malaysia ke-7 menegaskan bahawa,

“...sukar untuk membayangkan apa akan berlaku kepada negara sekiranya majoriti rakyat Malaysia tidak bangkit menyahut seruan untuk menumbangkan kerajaan terdahulu. Kita telah dapat mengelakkan malapetaka kewangan yang hanya menanti masa untuk berlaku sekiranya skim penipuan untuk melindungi kesalahan-kesalahan IMDB tidak ditemukan dan diperbetulkan...” (Bernama.com 2019).

Dengan itu, pemerintahan Malaysia Baharu telah meletakkan sasaran utama dalam mencapai tadbir urus yang efektif, efisien dan sistematik. Menurut Perdana Menteri Malaysia ke-7, “...rakyat mahukan satu Malaysia Baharu yang menjunjung prinsip-prinsip keadilan, yang mempunyai tadbir urus yang baik dan berintegriti serta menyanjung tinggi konsep kedaulatan undang-undang...” (Jabatan Perdana Menteri 2018: 4). Perdana Menteri turut menyatakan keyakinannya untuk membawa satu transformasi yang lebih menyeluruh dalam mendaulatkan satu bentuk tadbir urus yang berintegriti dengan cara melakukan beberapa perubahan besar terhadap dasar, strategi dan cara pelaksanaan (Jabatan Perdana Menteri 2018; Mohd Syarul Razi 2018). Dalam merealisasikan bentuk tadbir urus yang terbaik, pihak kerajaan telah meneliti semula projek-projek berskala besar yang telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Laluan 3 Aliran Transit Massa (MRT3) yang dilihat menambah bebanan sumber kewangan negara (Mohd Mahadee et al. 2019). Sebagai contoh, projek ECRL melibatkan kos RM80.92 billion. Tindakan penelitian dan perundingan semula kontrak-kontrak kerajaan BN dahulu telah berjaya menyelamatkan kewangan negara sejumlah RM22.8 billion (Mohd Mahadee et al. 2019). Projek MRT3 yang pada peringkat awalnya telah dibatalkan oleh pihak kerajaan telah dikaji semula dan diteruskan dengan jumlah perbelanjaan yang lebih kecil serta berjaya dikurangkan hampir 47% dari kos asal (Berita Harian Online 2018). Pengkajian semula projek-projek mega sememangnya wajar dilaksanakan oleh pihak kerajaan khususnya bagi mendapatkan kesan optimum ke atas setiap perbelanjaan yang dikeluarkan (Berita Harian Online 2018). Selain itu, ia juga bertujuan untuk mencegah segala bentuk pembaziran, menolak perjanjian yang membebankan kedudukan kewangan negara dan mengadakan peralihan kontrak yang lebih telus serta bersih (Berita Harian Online 2018).

Dalam konteks perundangan, pihak kerajaan turut melaksanakan pembaharuan dan reformasi terhadap penguatkuasaan undang-undang negara ke arah yang lebih sempurna. Segala bentuk undang-undang yang dikatakan menindas dan menekan kehidupan rakyat telah dihapuskan (Mohd Mahadee et al. 2019). Penguatkuasaan hukuman mati telah dihentikan buat seketika dan telah dikaji semula untuk melihat kesesuaiannya dalam konteks semasa, sementara undang-undang berkaitan dengan penyebaran berita palsu dalam proses untuk ditambah baik, di samping kebebasan media telah diberikan jaminan yang lebih terbuka dalam melaporkan berita (Berita Harian Online 2019). Pelaksanaan Doktrin Pengasingan Kuasa seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan telah diaplikasi sepenuhnya melalui pengasingan yang lebih telus di antara tiga tonggak utama pemerintahan negara yang melibatkan eksekutif, legislatif dan kehakiman (Mohd Mahadee et al. 2019). Penegasan doktrin pengasingan kuasa adalah untuk memastikan tidak berlaku salah guna dan campurtangan kuasa antara ketiga-tiga badan tersebut. Rakyat dikatakan telah meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat tidak berlaku campurtangan dan salah guna kuasa antara ketiga-tiga badan pemerintahan tersebut (Mohd Mahadee et al. 2019) bagi menjamin sistem pemerintahan negara yang sentiasa telus, bersih, cekap, efektif dan berintegriti.

Pada masa yang sama, era Malaysia Baharu menjadi pemangkin untuk membawa Malaysia keluar daripada masalah himpitan ekonomi yang membelenggu rakyat Malaysia. Sebagai salah satu langkah dalam pengurangan bebanan kos sara hidup rakyat, pihak pemerintah telah menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dengan cara memperkenalkan kembali Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) seperti mana yang dijanjikan dalam manifesto pilihan raya lepas. Pengenal kaedah percukaian baru ini adalah suatu usaha untuk mengurangkan dan mengawal kadar kenaikan harga barang dan perkhidmatan kesan dari pelaksanaan GST. Pelaksanaan GST ditetapkan pada satu kadar sahaja iaitu 6%, sementara itu kadar SST yang ditetapkan adalah berbeza antara cukai jualan dan cukai perkhidmatan (Mohd Mahadee et al. 2019). Pelaksanaan SST dilihat lebih mesra dan memberi kemudahan pada para peniaga dalam urusan percukaian serta dapat mengurangkan bebanan pada pengguna memandangkan bentuk cukai ini tidak melibatkan semua produk yang

terdapat di pasaran. SST telah ditetapkan bagi produk-produk terpilih sahaja (Mohd Mahadee et al. 2019). Walau bagaimanapun, harga barang tetap tidak turun selepas pelaksanaan SST dan kos sara hidup terus membelenggu kehidupan masyarakat umumnya.

Kerajaan baharu pimpinan Perdana Menteri Malaysia ke-7 telah mengambil tindakan segera dalam membina negara yang lebih progresif dan berdaya saing bagi mencapai sebuah negara berperadaban tinggi menerusi agenda Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) atau *Shared Prosperity*. WKB adalah satu inisiatif ke arah merealisasikan “Malaysia sebagai sebuah negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif di setiap peringkat rantai nilai, kelas, kaum dan geografi sehingga mewujudkan rasa keharmonian dan kestabilan dalam kalangan rakyat menjelang tahun 2030” (Mohd Mahadee et al. 2019). WKB adalah seiring dengan aspirasi rakyat untuk melihat perpaduan antara kumpulan etnik dapat dicapai dengan lebih utuh (Mohd Mahadee et al. 2019), memandangkan sejak akhir-akhir ini banyak isu-isu yang berkait rapat dengan ‘*hate speech*’, yang melahirkan kebencian dan konflik antara etnik. Ironinya, rakyat Malaysia memang senantiasa meraikan kepelbagaian dan perbezaan antara etnik, tetapi isu perkauman sentiasa menjadi ‘duri dalam daging’ (Mohd Mahadee et al. 2019) yang boleh menjejaskan keharmonian dan kestabilan negara.

Tambahan lagi, rakyat umumnya turut meletakkan harapan yang tinggi kepada kerajaan Malaysia Baharu untuk merealisasikan segala janji yang disenaraikan dalam manifesto pilihan raya PH melalui Buku Harapan: Membina Negara Memenuhi Harapan. Antara perkara utama yang dijanjikan oleh kerajaan PH adalah untuk menghapuskan tol, mengawal harga runcit petrol, menghapuskan GST, membatalkan pelaksanaan AES, menyediakan lebih banyak rumah mampu milik, menyediakan peluang pekerjaan terutamanya bagi golongan muda dan sebagainya. Akan tetapi, kepimpinan utama negara menegaskan bahawa pihak kerajaan memerlukan masa yang lebih lama dalam menunaikan apa yang telah dijanjikan dalam manifesto pilihan raya PH. Menurut Perdana Menteri Malaysia ke-7,

“...prestasi semasa pencapaian Janji Kerajaan bagi tempoh 10 Mei 2018 sehingga 30 April 2019 adalah sebanyak 39.01% yang diukur melalui status kemajuan 464 Inisiatif. Sebanyak 53 Inisiatif atau 11.42% telah

ditunaikan dari 128 Inisiatif. Manakala 283 Inisiatif atau 60.99% adalah di peringkat Dalam Perancangan atau Belum Mula. Prestasi ini menunjukkan peningkatan sebanyak 29.34 % berbanding 9.67% pada 31 Disember 2018” (Berita Harian Online 2019).

Selain itu, Malaysia Baharu juga cuba untuk mengulangi semula kejayaan, pencapaian dan kegemilangan negara yang membanggakan sebelum ini.

“Malaysia Baharu ini juga akan memulakan semula langkah ke arah Malaysia yang progresif dan berwawasan dalam membina ketamadunan berperadaban tinggi selain menggantikan strategi-strategi orde lama dengan strategi-strategi baharu sehingga matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara hebat dan disegani rakan serantau akan tercapai” (Jabatan Perdana Menteri 2018: 3).

Perdana Menteri Malaysia ke-7 turut menegaskan bahawa di era Malaysia Baharu ini, “...kerajaan komited untuk memastikan setiap daripada rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran dan kekayaan negara dengan perkongsian dan pembahagian yang saksama...” (Jabatan Perdana Menteri 2018: 4) tanpa mengira perbezaan kumpulan etnik, keturunan, agama, bahasa mahupun budaya.

Era Malaysia Baharu turut ditandai dengan perkembangan politik yang lebih terbuka, matang dan demokratik. Rakyat turut meletakkan harapan tinggi supaya lahir suatu budaya politik yang lebih matang, profesional, rasional dan lebih adil sifatnya (Mohd Mahadee et al. 2019). Dalam pada itu, Perdana Menteri Malaysia ke-7 turut memberikan penekanan bahawa “Malaysia Baharu akan mengamalkan prinsip demokrasi yang berpandukan undang-undang dan menolak dengan sejauh-jauhnya kleptokrasi” (Jabatan Perdana Menteri 2018: 4). Pelaksanaan program-program pembangunan perlu diberi keutamaan kepada kumpulan sasar yang lebih memerlukan (Mohd Mahadee et al. 2019) khususnya golongan miskin, B40 atau mana-mana kelompok yang terpinggir dari arus pemodenan masa kini. Perkara-perkara yang boleh menjejaskan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus perlu dielakkan seperti pilih kasih, kronisme, nepotisme, kecenderungan salah guna kuasa dan rasuah, karenah birokrasi dan pelbagai lagi. Pihak kerajaan baharu diharapkan oleh rakyat supaya belajar dari kesilapan dan kegagalan kerajaan terdahulu, tidak mengulangi kelemahan yang sama terutamanya dalam memastikan pelaksanaan tadbir urus yang lebih telus dan berintegriti. Hal ini penting dalam

mengekalkan sokongan rakyat seperti mana yang ditunjukkan melalui PRU14 lalu.

Kesinambungan daripada perubahan di era Malaysia Baharu ini, had umur mengundi belia telah diturunkan kepada 18 tahun. Keputusan tersebut telah diluluskan sebulat suara di Dewan Rakyat. Perkembangan ini bukan sahaja sebagai pengiktirafan tahap kematangan golongan belia, bahkan sebagai indikator lonjakan demokrasi melalui suatu proses yang terancang dan bermanfaat (Mohd Azmir & Sabri 2019), berstruktur serta holistik dengan mengambil kira perkembangan semasa yang berlaku dalam negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara asasnya menggunakan metod campuran kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif diaplikasi melalui teknik *nominal group technique* (NGT) dan *focus group discussion* (FGD), manakala pendekatan kuantitatif diaplikasi melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik.

Teknik NGT diaplikasi bagi memperolehi data asas tentang pandangan golongan belia terpelajar terhadap Malaysia Baharu dalam konteks perkembangan politik. Dalam pelaksanaan NGT ini, seramai 10 orang informan telah terlibat yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Mereka dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan dari sudut kepelbagaian etnik dan aliran pengajian bagi mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh terhadap fokus kajian. NGT adalah kaedah yang amat bertepatan dalam menentukan peringkat keutamaan idea asas informan. Informan perlu membuat interpretasi terhadap sesuatu keadaan yang wujud di persekitaran mereka berdasarkan kefahaman dan pengalaman yang dilalui oleh mereka sendiri. Melalui teknik ini, para informan diberi peluang yang sama rata untuk bersuara dan mengemukakan pandangan serta idea mereka terhadap sesuatu perkara atau persoalan yang dibangkitkan. Idea dan pandangan mereka kemudiannya akan dikongsi bersama para informan lain dengan cara menulis di atas kertas dan menerangkannya dalam bentuk *round-robin* atau bergilir-gilir. Setelah itu, idea dan pandangan yang mereka kemukakan tersebut akan dibincangkan dengan lebih terperinci supaya lebih jelas dan menepati maksud sebenar apa yang hendak mereka sampaikan. Seterusnya, idea sama yang dikemukakan oleh para informan

akan digabungkan mengikut kesesuaian dan perlu dikelompokkan kepada tema-tema tertentu yang juga perlu dipersetujui oleh semua informan. Kemudian, setiap pilihan akan ditentukan keutamaannya melalui proses *ranking*. Akhirnya, setelah proses *ranking* dilaksanakan, sepuluh idea yang diberi *ranking* tertinggi akan dibincangkan semula untuk mendapatkan persetujuan daripada setiap informan. Data kualitatif yang dikumpulkan melalui NGT dianalisis dengan cara analisis kandungan mengikut keutamaan yang telah dipersetujui oleh semua informan yang terlibat.

Setelah selesai pelaksanaan NGT, peringkat seterusnya adalah dengan melaksanakan FGD bagi mendapatkan pengesahan pandangan dan idea yang telah dikemukakan oleh informan NGT, serta membincangkan dengan lebih mendalam pandangan belia terpelajar (mahasiswa universiti awam) terhadap perkembangan politik di era Malaysia Baharu. Pelaksanaan FGD melibatkan seramai 10 orang mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) yang juga telah dipilih dari pelbagai etnik dan aliran pengajian. Cara pemilihan informan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan bagi memastikan informan yang terlibat adalah tergolong dalam kategori kumpulan sasaran sebenar. Bagi memastikan pelaksanaan FGD lancar dan berkesan, kumpulan belia terpelajar tersebut dipecahkan kepada dua kumpulan utama. Ini bertujuan untuk memberikan ruang dan peluang yang secukupnya kepada setiap informan dalam mengemukakan idea dan pandangan mereka terhadap perkara-perkara yang diketengahkan. Hasil dapatan FGD dianalisis secara bertema. Tema-tema tertentu dikenalpasti dan dikelompokkan mengikut kesesuaian dimensi dan konstruk yang digunakan bagi mencapai semua objektif kajian. Dapatan FGD juga telah disusun dan disesuaikan dengan dapatan NGT sebelum ini.

Kemudian, setelah selesai pelaksanaan NGT dan FGD, data yang diperolehi digunakan untuk membentuk dimensi dan konstruk dalam borang soal selidik. Hal ini bermakna, semua konstruk yang dibentuk dalam borang soal selidik adalah hasil dari dapatan NGT dan FGD, serta segala bentuk maklumat yang dikemukakan adalah dari pandangan golongan belia terpelajar sendiri. Dengan kata lain, segala item yang telah dikemukakan dalam borang soal selidik adalah hasil cetusan idea dan pandangan golongan belia terpelajar sendiri dengan kawalan secara tidak langsung dari pasukan penyelidik. Maka dengan itu, satu set borang soal selidik telah berjaya

digubal berdasarkan pandangan informan dari NGT dan FGD. Pelaksanaan kaedah kuantitatif melalui teknik survey penting supaya data yang terhasil dapat digeneralisasi dalam kelompok yang lebih luas khususnya bagi golongan mahasiswa universiti awam di Semenanjung Malaysia. Dalam pada itu, penyelidikan berasaskan teknik survey merupakan satu method yang digunakan oleh ahli-ahli sains sosial bagi mendapatkan bukti serta maklumat secara empirikal dan saintifik tentang manusia atau sesuatu fenomena sosial (Lavrakas 2008).

Pengedaran borang soal selidik berjaya mencapai sasaran 800 orang responden dari golongan belia terpelajar di universiti awam terpilih di Semenanjung Malaysia. Pengumpulan data tersebut dibahagikan kepada empat zon utama iaitu; (a) Zon Utara (USM, UUM dan UNIMAP); (b) Zon Timur (UMK dan UMT); (c) Zon Tengah (UPM, UM dan UKM); dan (d) Zon Selatan (UTM, UTHM dan UTEM). Setiap peringkat zon melibatkan seramai 200 orang responden yang dipilih dari pelbagai kumpulan etnik dan latar belakang aliran pengajian. Tujuan pengambilan sampel dari kategori zon yang berbeza-beza adalah untuk melihat variasi pandangan golongan belia terpelajar terhadap perkembangan politik di era Malaysia Baharu berasaskan kepada persekitaran dan suasana pendedahan pembelajaran mereka. Dalam konteks ini, faktor lokasi pusat pembelajaran juga dijangka menjadi salah satu elemen yang mempengaruhi pandangan golongan belia terpelajar terhadap persoalan yang dikaji.

Penentuan saiz sampel kajian adalah berdasarkan kepada teknik persampelan rawak berstrata yang mana para responden telah dikategorikan mengikut strata etnik. Panduan yang digunakan berasaskan ratio penduduk semasa Malaysia sekitar 60% kumpulan etnik Melayu dan Bumiputera, 25% kumpulan etnik Cina, 10% kumpulan etnik India dan 5% lain-lain kumpulan etnik. Dengan merujuk kepada strata etnik yang ditetapkan, maka jumlah responden yang telah disasarkan seperti berikut; (i) Etnik Melayu dan Bumiputera sebanyak 60% (n=480); (b) Etnik Cina sebanyak 25% (n=200); (c) Etnik India sebanyak 10% (n=80); dan lain-lain kumpulan etnik sebanyak 5% (n=40). Jumlah populasi yang menjadi subjek kajian ini ialah berdasarkan 123,043 orang mahasiswa universiti awam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Dari itu, jumlah sampel yang diperlukan ialah seramai 384 orang (Krejcie & Morgan, 1970), manakala menurut Sabitha (2006), sebanyak

200 responden diperlukan bagi membolehkan pengkaji membuat perbandingan peratusan untuk mengukur sekurang-kurangnya dua atau lebih ciri dalam sesebuah kajian. Dengan mengambil kira pandangan tersebut, kajian menetapkan pengambilan responden sebanyak 200 orang bagi setiap zon. Faktor etnik pula dijadikan satu indikator bagi melihat perbezaan pandangan golongan responden yang dikaji. Kebiasaannya, kumpulan etnik yang berbeza mempunyai pandangan semesta yang berbeza (Mansor, 2012) dan pengalaman sosialisasi juga berbeza (Mohd Mahadee, 2015). Berdasarkan penentuan saiz sampel yang ditetapkan, kajian yang dijalankan dapat meneliti pandangan eksklusif golongan belia terpelajar yang dapat memberikan gambaran suara sebenar mahasiswa universiti awam di Malaysia.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati wujud suatu trend yang hampir sama dari segi pola pandangan golongan belia terpelajar yang dikaji terhadap perkembangan politik, manakala wujud variasi pandangan berdasarkan kepada kumpulan etnik terhadap perkembangan sistem pemerintahan negara. Perbincangan lanjut dapat dilihat menerusi Jadual 1 dan 2 berikut.

Berdasarkan kepada Jadual 1, hasil kajian menunjukkan pandangan golongan belia terpelajar terhadap perkembangan politik di era Malaysia Baharu hampir sama dan sekata dalam semua elemen yang diukur. Hal ini dapat dilihat dengan jelas di mana lebih daripada separuh atau sebahagian besar responden bagi tiap-tiap kumpulan etnik, tanpa mengira etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain kumpulan etnik berpandangan bahawa Malaysia Baharu adalah suatu pertukaran kerajaan daripada Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan; Malaysia Baharu adalah pembentukan kerajaan baru atas kehendak rakyat; Malaysia Baharu mendapat sokongan padu majoriti rakyat tanpa mengira kumpulan etnik; rakyat melakukan perubahan dengan memberi mandat kepada Pakatan Harapan membentuk kerajaan; masyarakat semakin terbuka tentang politik; literasi politik dalam masyarakat semakin tinggi; masyarakat semakin peka terhadap isu-isu politik dalam negara; dan rakyat diberikan hak untuk berhimpun secara aman oleh pihak kerajaan.

Pandangan yang ditunjukkan oleh golongan belia terpelajar tersebut adalah sesuatu yang amat

JADUAL 1. Pandangan terhadap perkembangan politik era Malaysia baharu

Perkara	Etnik							
	Melayu		Cina		India		Lain-lain	
	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
Pertukaran kerajaan BN ke PH	40.38	33.13	11.75	1.88	7.38	1.13	3.13	1.25
MB pembentukan kerajaan baru atas kehendak rakyat	54.63	18.88	11.50	2.13	7.88	0.63	3.63	0.75
MB mendapat sokongan padu majoriti rakyat	44.25	29.25	11.63	2.00	7.75	0.75	3.25	1.13
Rakyat melakukan perubahan beri mandat pada PH membentuk kerajaan	55.38	18.13	10.50	3.13	7.63	0.88	3.75	0.63
Masyarakat semakin terbuka tentang politik	54.00	19.50	9.63	4.00	7.38	1.13	3.25	1.13
Literasi politik semakin tinggi	52.50	21.00	8.75	4.87	6.00	2.50	3.25	1.13
Masyarakat peka isu-isu politik dalam negara	55.50	18.00	10.13	3.50	6.87	1.62	3.13	1.25
Rakyat diberikan hak berhimpun secara aman oleh pihak kerajaan	46.00	27.50	9.88	3.75	6.25	2.25	3.00	1.38

positif. Dalam konteks ini, golongan belia terpelajar dilihat mengambil maklum dan mengikuti secara dekat tentang perkembangan politik semasa yang berlaku dalam negara. Walaupun sibuk dengan tugas pembelajaran harian, mereka masih mampu meluangkan masa untuk mengikuti secara dekat isu-isu terkini. Mereka bukan sahaja menjadi penonton dari jauh tetapi jelas kelihatan bahawa mereka mengambil bahagian secara langsung dengan mengikuti apa yang berlaku di persekitaran mereka. Mereka juga turut menunjukkan minat yang tinggi apabila berbincang tentang perkembangan politik negara. Tambahan lagi, dengan sokongan teknologi terkini khususnya melalui media sosial, segala bentuk maklumat dan informasi yang diperlukan berada di hujung jari. Mereka mudah untuk akses kepada sebarang bentuk maklumat tersebut, selain dari sifat masyarakat yang suka meviralkan apa jua maklumat yang mereka perolehi tanpa usul periksa. Perkembangan sedemikian turut menyokong pembentukan pandangan dalam kalangan belia terpelajar.

Dalam pada itu, golongan belia terpelajar yang dikaji telah menunjukkan bijaksanaan dalam menilai perkembangan politik yang berlaku dalam negara. Sekiranya diperhatikan dari pandangan yang dilontarkan oleh mereka, pengkaji dapati pandangan tersebut tidak banyak beza dengan pandangan yang biasanya dikemukakan oleh masyarakat umum apabila membincangkan soal perkembangan politik negara. Situasi ini menggambarkan bahawa pandangan golongan belia terpelajar adalah sesuatu yang objektif dan rasional

bertepatan dengan kedudukan dan persekitaran mereka yang berada di menara gading. Peluang untuk membincangkan sesuatu isu politik semasa dengan lebih mendalam, terbuka dan kritis bukan sahaja terbentang luas malah mereka dapat mengambil nilai tambah yang lebih bermakna daripada perbincangan tersebut. Tambahan lagi terdapat subjek-subjek teras universiti yang bersifat umum seperti kursus Kenegaraan Malaysia, Pengajian Malaysia dan Hubungan Etnik sentiasa membuka perbincangan dan membuat pengulasan terhadap isu-isu terkini yang berlaku di dalam mahupun di luar negara. Keadaan tersebut secara langsung ataupun tidak langsung mempengaruhi pembentukan pandangan golongan belia terpelajar di universiti.

Berdasarkan kepada trend yang berlaku tersebut, dapatan kajian menunjukkan wujud suatu bentuk budaya politik baharu yang bersifat lebih terbuka dalam keadaan berwaspada di kalangan golongan belia yang bersifat multi-etnik, multi-agama dan multi-budaya di Malaysia. Dengan kata lain, mereka sudah terbuka dalam membincangkan sesuatu perkara termasuklah hal ehwal yang melibatkan sensitiviti sesebuah kumpulan etnik, tetapi pada masa yang sama sentiasa berwaspada apabila mengemukakan pandangan mereka dan berwaspada terhadap sebarang kemungkinan yang boleh berlaku. Perkembangan tersebut telah menunjukkan bentuk budaya politik yang lebih matang dan jauh dari jangkauan sebenar masyarakat terbanyak. Hal ini kerana banyak pihak dalam masyarakat kita yang menjangkakan

bahawa golongan belia terpelajar ini tidak akan mengambil bahagian aktif dalam mengikuti perkembangan politik tanah air memandangkan tanggungjawab hakiki mereka yang berat untuk belajar dan terdapat kekangan dari segi AUKU serta peraturan universiti yang lain.

Merujuk kepada Jadual 2, hasil kajian menunjukkan wujudnya variasi pandangan berdasarkan kepada kumpulan etnik terhadap perkembangan sistem pemerintahan negara di era Malaysia Baharu. Kajian mendapati lebih daripada separuh responden kumpulan etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain kumpulan etnik berpandangan bahawa Malaysia Baharu adalah suatu bentuk perubahan yang dibuat oleh golongan muda dalam pemerintahan negara; Malaysia Baharu membuka lebih banyak ruang penyertaan kepada golongan belia dalam pentadbiran negara; Malaysia Baharu lebih memberikan kebebasan kepada rakyat dalam mengkritik kerajaan (kerajaan lebih terbuka); dan media mempunyai lebih kebebasan dalam melaporkan sesuatu berita.

Selain itu, lebih daripada separuh responden kumpulan etnik Melayu yang tidak bersetuju bahawa di era Malaysia Baharu ini bentuk pemerintahan lebih menjunjung prinsip keadilan; pentadbiran kerajaan yang lebih telus dan bebas rasuah; dan nilai integriti lebih tinggi. Walau bagaimanapun, lebih daripada separuh responden kumpulan etnik Cina, India dan lain-lain kumpulan etnik yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Selanjutnya, sebanyak 50%

responden kumpulan etnik Melayu bersetuju dan 50% lagi tidak bersetuju, sebaliknya lebih ramai responden kumpulan etnik Cina, India dan lain-lain kumpulan etnik yang bersetuju bahawa sistem pemerintahan di era Malaysia Baharu ini memberikan penekanan kepada prinsip demokrasi yang lebih menyeluruh.

Dalam hal ini, jelas kelihatan wujudnya kepelbagaian variasi pandangan responden terhadap perkembangan sistem pemerintahan khususnya di antara golongan belia terpelajar Melayu dengan golongan belia terpelajar bukan Melayu. Golongan belia terpelajar Melayu didapati lebih objektif dalam mengutarakan pandangan mereka terhadap perkembangan sistem pemerintahan negara. Contohnya, mereka melihat pentadbiran di era Malaysia Baharu masih belum mencapai prinsip keadilan yang sewajarnya, belum mencapai tahap ketelusan yang diharapkan, belum benar-benar bebas dari masalah rasuah mahupun salah guna kuasa, dan masih belum mencapai nilai integriti yang tinggi. Maka dengan itu mereka melihat kerajaan Malaysia Baharu masih lagi belum berjaya merealisasikan sepenuhnya apa yang telah dijanjikan dalam manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 yang lalu.

Sementara itu, golongan belia terpelajar etnik Cina, India dan lain-lain kumpulan etnik didapati lebih positif dalam menunjukkan sokongan mereka kepada pemerintahan di era Malaysia Baharu ini. Mereka melihat tindakan penyiasatan yang diambil terhadap para pemimpin kerajaan terdahulu adalah

JADUAL 2. Pandangan terhadap perkembangan sistem pemerintahan

Perkara	Etnik							
	Melayu		Cina		India		Lain-lain	
	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
Perubahan oleh golongan muda dalam pemerintahan negara	56.38	17.13	9.63	4.00	7.63	0.86	3.00	0.86
Pemerintahan baru yang menjunjung prinsip keadilan	29.25	44.25	9.63	4.00	6.50	2.00	2.38	2.00
Pentadbiran telus dan bebas rasuah	33.25	40.25	8.87	4.75	5.63	2.87	2.25	2.13
Prinsip demokrasi lebih menyeluruh	36.75	36.75	10.37	3.25	6.50	2.00	2.63	1.75
Nilai integriti lebih tinggi	35.50	38.00	10.37	3.25	6.13	2.37	2.75	1.63
MB membuka lebih banyak ruang penyertaan belia dalam pentadbiran negara	44.13	29.38	10.25	3.38	1.63	6.88	3.13	1.25
MB lebih memberikan kebebasan rakyat mengkritik kerajaan	44.38	40.25	9.25	4.38	5.63	2.88	2.38	2.00
Media mempunyai kebebasan melaporkan sesuatu berita	45.50	28.00	9.25	4.38	6.63	1.88	2.50	1.88

suatu bentuk tindakan pengadilan yang sewajarnya dalam mencapai pentadbiran yang telus dan bebas rasuah, meningkatkan integriti dan pelaksanaan demokrasi secara lebih holistik. Sekiranya diperhatikan, pola sokongan golongan belia etnik Cina dan India terhadap kerajaan Pakatan Harapan (kini), Pakatan Rakyat (dahulu) jelas kelihatan semenjak Pilihan Raya Umum ke-12 dan 13 lagi. Ini kerana golongan aktivisme mahasiswa Cina banyak dipengaruhi oleh seruan gerakan reformasi yang memfokuskan soal keadilan dan kesamarataan, yang menyebabkan mereka lebih condong dan menyertai parti politik pembangkang apabila keluar dari universiti (Thock Ker Pong 2012). Hal itu juga terkait rapat dengan pengundi Cina umumnya memberikan sokongan kepada pakatan pembangkang (dahulu) kerana membuka ruang yang lebih luas bagi kumpulan etnik mereka untuk memegang jawatan penting dalam barisan kepimpinan negara dan berpeluang melibatkan diri secara langsung dalam proses pembuatan keputusan kerajaan (Junaidi et. al 2015). Penglibatan secara langsung sebagai barisan kepimpinan kerajaan membolehkan mereka merealisasikan pelaksanaan dasar kesamarataan yang lebih seimbang antara kumpulan etnik dan dikatakan dapat memberikan keadilan kepada etnik mereka yang sering kali dikaitkan sebagai '*second class citizen*'. Dari itu, mereka berpandangan kerajaan di era Malaysia Baharu telah membuka lebih banyak ruang kepada golongan belia untuk terlibat secara langsung dalam pentadbiran negara. Oleh yang demikian, tidak hairanlah kenapa golongan belia terpelajar kumpulan etnik Cina dan India lebih berpandangan positif dan terus menunjukkan sokongan terhadap pemerintahan Malaysia Baharu khususnya melibatkan agenda untuk membela kedudukan dan kepentingan kumpulan etnik mereka. Pola pandangan mereka ini lebih menjurus kepada pembentukan sebuah masyarakat yang bersifat sivil khususnya dalam usaha untuk mewujudkan kesaksamaan dan kesamarataan antara kumpulan etnik di Malaysia (Mohd Mahadee 2015).

Hasil kajian juga memaparkan wujudnya sifat keterbukaan dalam kalangan golongan belia terpelajar pelbagai etnik apabila mengemukakan pandangan mereka terhadap sesuatu perkara. Perkembangan ini adalah seiring dengan pandangan terhadap literasi politik yang semakin tinggi, sensitiviti masyarakat terhadap isu-isu politik yang wujud dalam negara, sikap masyarakat yang semakin terbuka dan cara gaya berpolitik yang lebih matang. Bertepatan dengan hasil kajian

Marshelayanti et. al (2017) yang menunjukkan golongan muda di Malaysia hari ini telah menyedari dan mula peka terhadap perkembangan isu-isu politik semasa. Oleh yang demikian, era Malaysia Baharu boleh dikatakan telah berjaya membawa nafas baru pembangunan politik dan kesedaran golongan belia yang lebih tinggi terhadap kepentingan negara. Andai kata dimensi ini terus dikembangkan, suatu hari nanti sudah pasti ia mampu menambah resipi kebijaksanaan berpolitik, komitmen dan keprihatinan yang lebih tinggi pada negara yang boleh menjadi pemangkin kepada pengekalan kestabilan politik yang berterusan. Ironinya, perkembangan politik semasa ini akan turut mempengaruhi perubahan dalam budaya politik masyarakat. Contohnya, kalau dahulu masyarakat cuba mempertahankan status quo tertentu, tetapi dalam budaya politik baru ini, persoalan status quo tidak lagi menjadi keutamaan.

Tambahan lagi, perkembangan mutakhir politik hari ini yang bersifat semakin terbuka dilihat mempunyai perkaitan langsung dengan peranan dan pengaruh media sosial sebagai medium perantara penyebaran maklumat dan perkongsian informasi. Media sosial telah menular masuk dan menjadi agen penting penyebar maklumat dalam senario politik Malaysia bukan sahaja membawa implikasi terhadap pengekalan status quo (Ali Salman & Mohd Safar 2011) tetapi turut mempengaruhi bentuk pemikiran politik yang lebih kritis dan matang serta percambahan idea yang lebih meluas. Media sosial juga menjadi medium baru dalam memandu ke arah wujudnya transisi demokrasi, pembentuk kesedaran sivil dan arena cetusan idea masyarakat (Norazleen et. al 2011). Masyarakat umumnya termasuk golongan belia terpelajar turut menggunakan media sosial ini sebagai medium perbincangan dan perbahasan isu-isu semasa yang wujud di arena politik negara. Lahirnya budaya politik baru ini adalah suatu mekanisme kelestarian masyarakat sivil yang terus mendaulatkan demokrasi sebagai cara hidup berpolitik (Lipset & Lakin, 2004; Zaini, 2008). Senario ini juga menjadi pemangkin kepada kelestarian perkembangan politik di era Malaysia Baharu.

KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi,

pengkaji menemukan dua trend yang berbeza pandangan golongan belia terpelajar terhadap perkembangan politik di era Malaysia Baharu ini. Pertama, wujudnya pola pandangan yang hampir sama tanpa mengira kumpulan etnik terhadap perkembangan politik. Perkembangan sedemikian menjadi indikator yang jelas bahawa telah lahir suatu bentuk budaya politik yang lebih terbuka dalam kalangan generasi muda hari ini. Mereka dilihat lebih matang dalam membuat penilaian terhadap perkembangan politik semasa yang wujud di dalam negara mahupun luar negara. Kedua, wujudnya variasi pandangan berdasarkan kumpulan etnik terhadap perkembangan sistem pemerintahan. Golongan belia terpelajar etnik Melayu dilihat lebih objektif dalam mengemukakan pandangan mereka bagi menilai perkembangan sistem pemerintahan negara. Manakala golongan belia terpelajar etnik Cina, India dan lain-lain kumpulan etnik pula didapati lebih positif dalam menunjukkan sokongan mereka terhadap era pemerintahan Malaysia Baharu ini yang dikatakan selari dalam membela kesaksamaan dan kepentingan kumpulan etnik mereka. Namun begitu, pandangan yang berbeza adalah sesuatu yang lumrah dalam kehidupan, yang dapat mendorong golongan belia hari ini bertambah matang, bersifat lebih terbuka lagi bijaksana.

Pandangan adalah suatu unsur yang tidak statik, boleh berubah-ubah mengikut keadaan semasa berdasarkan kepada persekitaran dan isu yang wujud dalam masyarakat, sentimen dan sensitiviti etnik, senario semasa politik dan pelbagai lagi. Walaupun wujud perbezaan pandangan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang bersifat multi-etnik, multi-agama dan multi-budaya, namun masyarakat umumnya dan golongan belia terpelajar khususnya mampu hidup dengan penuh simbolik keamanan dan keharmonian, tanpa melibatkan sebarang bentuk konflik terbuka atau secara langsung. Inilah yang dikatakan wujudnya “kesepaduan sosial” di Malaysia ke arah mencapai perpaduan yang lebih utuh. Masyarakat Malaysia dilihat semakin matang, profesional dan senantiasa terbuka dalam menerima dan mengiktiraf perbezaan yang wujud dalam kepelbagaian masyarakat hari ini. Apa yang lebih menarik, golongan belia terpelajar kini dilihat sentiasa mengikuti secara dekat perkembangan arus politik perdana yang wujud dalam negara, dan ini adalah suatu perkembangan yang cukup positif kepada masa depan Malaysia.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada geran penyelidikan Forensik Sosio-Elektoral, Persekitaran dan Pembangunan 2017 (Kod geran SK-2017-002) diketuai oleh Profesor Dr Fuad Mat Jali dari UKM yang mengurus dan menyumbang dana kepada projek penerbitan artikel ini. Makalah ini adalah hasil daripada Kajian Pandangan Golongan Belia (Mahasiswa Universiti Awam) terhadap Malaysia Baharu, Geran Putra (GP9582600), Universiti Putra Malaysia. Sehubungan dengan itu kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Universiti Putra Malaysia di atas peruntukan Geran Putra yang dianugerahkan kepada kami.

RUJUKAN

- Ali Salman & Mohd Safar Hasim. 2011. New media and democracy: The changing political landscape in Malaysia. *Akademika* 81(1): 15-21.
- Astro Awani. 2019. Belia kini berumur 15 hingga 30 tahun. Oleh Harits Asyraf Hasnan, Rabu, 03 Julai 2019. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/belia-kini-berumur-15-hingga-30-tahun-211731>
- Berita Harian Online. 2018. Kajian semula projek mega langkah tepat. Oleh Alzahrin Alias, Khamis, 16 Ogos 2018. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/08/462811/kajian-semula-projek-mega-langkah-tepat>
- Berita Harian Online. 2018. Kerajaan baharu dan hala tuju politik negara. Oleh Mansor Mohd Noor, Sabtu, 19 Mei 2018. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/05/427534/kerajaan-baharu-dan-hala-tuju-politik-negara>
- Berita Harian Online. 2019. Perutusan Perdana Menteri sempena setahun kerajaan Pakatan Harapan. Khamis, 9 Mei 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/05/562120/perutusan-perdana-menteri-sempena-setahun-kerajaan-pakatan-harapan>
- Bernama.com. 2019. Kerajaan PH Komited Perangi Kleptokrasi, Rasuah. Oleh Erda Khursyiah Basir, Isnin, 1 April 2019. <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1711397>
- Jabatan Perdana Menteri. 2018. Malaysia Baharu. <http://www.pmo.gov.my/MalaysiaBaharu.pdf>
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. 2015. Politik etnik di Kuala Lumpur: Kajian tanggapan pengundi dalam kalangan penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR) pasca Pilihan Raya Umum 2013. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(7): 33-44.
- Kadir Arifin, Zitty Sarah Ismail, Mazhani Muhammad & Muhammad Lui Juhari. 2019.

- Analisis Keberkesanan Komunikasi dalam Meningkatkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Universiti Penyelidikan di Malaysia. *Akademika*. 89(3): 183-194
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. Statistik Pendidikan Tinggi 2018: Sistem Kajian Pengesanan Graduan. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Lavrakas, P.J. 2008. *Encyclopedia of Survey Research Methods*. California: Sage Publications.
- Lipset, S. M. & Larkin, J. M. 2004. *The Democratic Century*. Norman: University of Oklahoma Press.
- Mansor Mohd Noor. 2012. *Kerencaman sosial dan penipisan batas etnik: Kepelbagaian etnik dan perkongsian hidup bersama di Malaysia*. Siri Syarahan Umum Perdana. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marshelayanti Mohamad Razali, Siti Noranizahhafizah Boyman, Nafisah Ilham Hussin & Wan Asna Wan Mohd Nor. 2017. Penglibatan politik belia: Satu analisis penyertaan konvensional. *Jurnal Perspektif* 8(2): 70-78.
- Mohd Azmir Mohd Nizah & Sabri Mohamad Sharif. 2019. Undi 18: Belia dan politik konvensional. *Prosiding Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET)*. Oktober 2019.
- Mohd Mahadee Ismail. 2015. *Pendidikan sivik dan pembinaan etos nasional dalam kalangan alumni Program Latihan Khidmat Negara (PLKN): Kajian ke atas mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM)*. Tesis Doktor Falsafah. Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Mahadee Ismail, Mohd Sabri Md Nor & Zatul Himmah Adnan. 2019. Persepsi golongan belia terhadap 'Malaysia Baharu' dalam kerangka pembangunan komuniti di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 274-287.
- Mohd Nasir Selamat & Mukhiffun Mukapit. 2018. The Relationship between Task Factors and Occupational Safety and Health (OSH) Performance in the Printing Industry. *Akademika* 88(3): 65-76.
- Nur Shazwanie Rosehan & Azlan Abas. 2019. Pencemaran Bunyi Bising Trafik di Bandar Batu Pahat, Johor. *Akademika* 89(2): 97-109.
- Mohd Syarul Razi Mohd Hazmi. 2018. Islam era Malaysia baharu: Isu dan agenda pelaksanaan. *Prosiding Konvensyen Nasional Islam dan Era Malaysia Baharu*, Shah Alam, 10-11 November 2018.
- Moten, A. R. 2011. Changing political culture and electoral behavior in Malaysia. *Asian Affairs: An American Review* 38(1): 39-56.
- Norazleen Mohd Nor, Edwin Michael, Afi Roshezry Abu Bakar, Ira Meilita Ibrahim & Mohd Azmir Mohd Nizah. 2011. Media baru dan demokrasi di Malaysia: Ke arah perpaduan nasional. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional*, Kuala Lumpur, 14-16 Disember 2011.
- Saad, S., & Salman, A. 2013. The role of values and attitudes in political participation. *Asian Social Science* 9(8): 9-16.
- Sabitha, Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Sheikh Omar Abdul Rahman. 2017. *Pemuda Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara*. Bicara Ilmu Untuk Pegawai Perbadanan Labuan pada 23 November 2017. <https://www.pl.gov.my/documents/10157/544679/Pemuda+harapan+bangsa%2C+pemuda+tiang+negara.+P.Labuan+23+Nov+2017.+handout.pdf/112f9f13-b274-4acd-ac06-a1f22cc3a9b1>
- Thock Ker Pong. 2012. Aktivisme mahasiswa Cina era reformasi dan pasca reformasi di Malaysia: Kajian impak politik dalam pilihan raya umum ke-12. *Akademika* 82(1): 91-102.
- Vejai Balasubramaniam. 1997. Nasionalisme dalam pembentukan sebuah negara persekutuan: Wacana teoretikal berdasarkan pengalaman Malaysia. *Akademika* 51(Julai): 23 -51.
- Zaini Othman. 2008. Masyarakat Sivil dan Pendemokrasian. Dlm. Gahzali Mayudin (pnyt.) *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Mahadee Ismail (corresponding author)
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang Selangor
Malaysia.
Email: mahadee@upm.edu.my
- Azlina Abdullah
Program Antropologi dan Sosiologi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia.
Email: azlina_ab@ukm.edu.my
- Nor Azlili Hassan
Jabatan Pengajian Umum
Fakulti Industri Kreatif
Universiti Tunku Abdul Rahman
Sungai Long Campus
Cheras, 43000 Kajang
Malaysia.
Email: azlili@utar.edu.my

Mohd Sabri Md Nor
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang Selangor
Malaysia.
Email: msabri@upm.edu.my

Received: 10 Nov 2019
Accepted: 18 November 2020

